

Jenis Akhbar : Bernama Online  
Tarikh : 11/02/2018  
Edisi / Muka Surat : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)

## ANGKASA Saran Koperasi Ceburi Pertanian, Penternakan

Tarikh kemaskini: 11/02/2018

TAPAH, 11 Feb (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menyarankan agar koperasi di Malaysia menceburi bidang perniagaan berimpak tinggi yang berpotensi besar menjana pendapatan lumayan.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, antara bidang yang perlu diberikan penumpuan adalah pertanian dan penternakan kerana ia mempunyai pasaran luas termasuk di peringkat antarabangsa.

Katanya penerokaan dalam bidang berkenaan mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara sepertimana hasrat kerajaan untuk menjadikan koperasi sebagai sektor ketiga yang menjadi tunjang kepada kemajuan negara.

"Tumpuan mungkin boleh terarah kepada bidang pertanian dan penternakan yang dilihat mempunyai pasaran luas khasnya di peringkat antarabangsa," katanya pada sidang media selepas meninjau projek ternakan udang di Jalan Kampung Pasir, Temoh, di sini, hari ini.

Abdul Fattah berkata, ANGKASA bersedia membantu koperasi yang berminat untuk menceburi bidang tersebut khususnya daripada sudut pemantauan dan khidmat nasihat.

"Selain khidmat nasihat dan pemantauan, kita juga boleh adakan kerjasama dengan pihak luar bertujuan untuk bantu pasarkan barangan atau produk sesebuah koperasi itu ke luar negara," katanya.

Mengulas projek ternakan udang itu, Abdul Fattah berkata, ia dikendalikan oleh Koperasi Pelaburan Pembangunan Hartanah Perak Berhad (KPPH) dengan kerjasama Kumpulan Fubao dari China di tapak seluas 0.4 hektar.

Katanya, projek ternakan spesies udang putih Amerika Latin itu yang bermula awal 2016 mampu mengeluarkan hasil sekitar 18 tan setahun dengan penuaian tiga kali setahun.

Beliau berkata selain dipasarkan dalam negara, udang itu juga dipasarkan ke China.

-- BERNAMA